

**CABARAN PERUNTUKAN PELAKSANAAN DIYAT DALAM UNDANG- UNDANG
JENAYAH SYARIAH: ANALISIS TERHADAP ENAKMEN NEGERI KELANTAN**

***CHALLENGES IN THE IMPLEMENTATION OF DIYAT PROVISIONS IN SHARIAH
CRIMINAL LAW: AN ANALYSIS OF THE KELANTAN STATE ENACTMENT***

^{i*} Putri Nurhaziqah Saifulhizam & ⁱ Abdul Karim Ibrahim

ⁱ Fakulti Undang-undang, Governon Dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka, Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka

*(Corresponding author) e-mail: putrinurhaziqahsfz07@gmail.com

ABSTRACT

This study discusses the implementation of diyat as a form of punishment in Syariah criminal law in Malaysia, with a focus on the Kelantan Syariah Criminal Code Enactment (II) 1993 (Amendment 2015). Although diyat has a strong foundation in Islamic law and is clearly stipulated in the Kelantan enactment, its implementation is still hindered by the jurisdictional limitations of the Syariah Court under the Syariah Court (Criminal Jurisdiction) Act 1965 (Act 355) and provisions of the Federal Constitution. The objectives of this study are to identify the concept and foundation of diyat implementation according to Syariah law, examine its interpretation within the Syariah criminal justice system in Malaysia, evaluate the challenges of the Kelantan enactment in consistently and clearly providing for diyat, and propose improvements to the implementation of diyat and the judicial procedures involved. This study is conducted to identify the concept and foundation of diyat according to Syariah law, assess the substantive and technical challenges within the enactment provisions, and propose improvements for more effective implementation. Using a qualitative methodology in the form of doctrinal analysis of primary sources such as the state enactments, federal acts, the Qur'an, hadith, the views of Islamic jurists (fuqaha), as well as secondary sources including journals, articles, theses, and interviews with Syariah experts, this study finds a significant lack of uniformity between the states in Malaysia in providing for diyat. This situation raises serious implications for the principle of justice when the rights of victims and heirs depend on the state where the case occurs, rather than on a consistent principle of Islamic law. Furthermore, the absence of standard guidelines regarding the rate, form of payment, and implementation mechanisms for diyat has complicated the Syariah judicial process. This study suggests the creation of a national legal harmonization model that takes into account the socio-economic realities of Malaysian society, including the use of modern instruments such as gold, silver, or current financial rates to replace camels mentioned in classical texts. The findings of this study are expected to make a significant contribution to policymakers, Syariah judicial institutions, and lawmakers in reconsidering the position of diyat as an Islamic justice mechanism that is restorative and humane, while also strengthening the integrity of the Syariah legal system in Malaysia.

Keywords: *Diyat, Syariah Criminal Law, Kelantan Enactment, Act 355, Qisas, Islamic Compensation*

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan isu pelaksanaan diyat sebagai salah satu bentuk hukuman dalam undang-undang jenayah Syariah di Malaysia dengan memberi fokus kepada Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993 (Pindaan 2015). Walaupun diyat mempunyai asas yang kukuh dalam hukum Islam dan telah diperuntukkan secara jelas dalam enakmen Kelantan, pelaksanaannya masih terhalang oleh kekangan bidang kuasa Mahkamah Syariah di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) serta peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti konsep dan asas pelaksanaan diyat menurut hukum Syariah serta bentuk penerjemahannya dalam sistem perundangan jenayah Syariah di Malaysia, menilai sejauh mana cabaran enakmen negeri Kelantan memperuntukkan diyat secara konsisten dan jelas, dan mencadangkan penambahbaikan terhadap pelaksanaan diyat dan prosedur kehakiman terlibat. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti konsep dan asas diyat menurut Syariah, menilai cabaran substantif serta teknikal dalam peruntukan enakmen negeri, dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan agar diyat dapat dilaksanakan secara lebih berkesan. Melalui metodologi kualitatif berbentuk analisis doktrinal terhadap sumber primer seperti enakmen negeri, akta persekutuan, al-Quran, hadis dan pandangan fuqaha serta sumber sekunder termasuk jurnal, artikel, tesis dan temu bual bersama pakar Syariah. Kajian ini mendapati bahawa wujud ketidakseragaman yang ketara antara negeri-negeri di Malaysia dalam memperuntukkan hukuman diyat. Keadaan ini menimbulkan implikasi serius terhadap prinsip keadilan apabila hak mangsa dan waris bergantung kepada negeri di mana kes berlaku, bukannya kepada prinsip undang-undang Islam yang konsisten. Selain itu, ketiadaan garis panduan standard mengenai kadar, bentuk pembayaran serta mekanisme pelaksanaan diyat telah menyulitkan proses kehakiman Syariah. Kajian ini mencadangkan agar diwujudkan suatu model penyelarasan undangundang di peringkat nasional dengan mengambil kira realiti sosioekonomi masyarakat Malaysia, termasuk penggunaan instrumen moden seperti emas, perak atau kadar kewangan semasa bagi menggantikan unta yang disebut dalam nas klasik. Hasil kajian ini diharap dapat memberi sumbangan penting kepada pembuat dasar, institusi kehakiman Syariah dan penggubal undangundang dalam menilai semula kedudukan diyat sebagai mekanisme keadilan Islam yang bersifat pemulihan dan berperikemanusiaan, di samping memperkukuhkan lagi integriti sistem perundangan Syariah di Malaysia.

Kata kunci: *Diyat, Undang-Undang Jenayah Syariah, Enakmen Kelantan, Act 355, Qisas, Islamic Compensation.*

Pendahuluan

Diyat merupakan salah satu bentuk hukuman dalam sistem perundangan Islam yang ditetapkan sebagai ganti bagi kesalahan jenayah qisas, khususnya dalam kes pembunuhan dan kecederaan yang disebabkan secara sengaja atau tidak sengaja (Ihsan, M., 2017; Kusuma, M., & Diani, R., 2022). Konsep diyat berasal daripada Al-Quran dan As-Sunnah sebagai alternatif kepada qisas (hukuman setimpal) apabila pihak keluarga mangsa memilih untuk memaafkan atau menerima pampasan wang sebagai ganti. Diyat berfungsi sebagai mekanisme keadilan restoratif yang bertujuan untuk memulihkan keseimbangan sosial dan memberikan pampasan yang adil kepada keluarga mangsa, sekaligus memberi peluang kepada pesalah untuk menebus kesalahan mereka melalui pembayaran yang ditetapkan (Fauzi, R., Marpaung, W., & Prasetya, N., 2025; Absar, A., 2020)

Pelaksanaan diyat dalam hukum syariah memerlukan pematuhan kepada beberapa syarat dan prosedur yang ketat (Khalil, S., Jaafar, S., & Ali, A., 2018). Antaranya termasuklah penentuan jumlah diyat yang tepat berdasarkan panduan syariah, persetujuan daripada wali atau ahli waris mangsa, serta pembuktian kesalahan melalui saksi yang memenuhi syarat atau pengakuan pesalah. Sistem ini juga membenarkan pengampunan penuh tanpa sebarang pampasan sebagai bentuk ihsan yang paling tinggi. Proses pelaksanaan diyat mestilah dijalankan di bawah pengawasan mahkamah syariah yang berkeelayakan dengan memastikan semua pihak memahami hak dan kewajiban mereka dalam sistem keadilan Islam (Gunawan, H., 2019).

Dalam konteks kontemporari, pelaksanaan diyat menghadapi cabaran dalam penyesuaian dengan sistem perundangan moden dan struktur kehakiman yang sedia ada. Keperluan untuk mengintegrasikan prinsip-prinsip syariah dengan kerangka undang-undang sivil memerlukan pendekatan yang teliti dan komprehensif (Ismail, S., 2024). Hal ini melibatkan pertimbangan aspek perlembagaan, prosedural, dan pentadbiran untuk memastikan diyat dapat dilaksanakan secara adil dan berkesan tanpa bercanggah dengan sistem perundangan yang lebih luas. Justeru, kajian mendalam terhadap cabaran dan penyelesaian pelaksanaan diyat adalah penting untuk membolehkan sistem keadilan Islam beroperasi dalam konteks negara moden.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan doktrinal iaitu dengan menilai sumber primer dan sekunder untuk menganalisis Cabaran Peruntukan Pelaksanaan Diyat dalam Undang-Undang Jenayah Syariah, Analisis Terhadap Enakmen Negeri Kelantan. Kajian ini juga menggunakan kaedah pengumpulan dan penganalisan data yang mana fasa pengumpulan mengandungi dua pembahagian iaitu kaedah kepustakaan seperti artikel, fatwa dan garis panduan Syariah, jurnal akademik berkaitan undang-undang Jenayah Syariah serta menggunakan temubual separa berstruktur bersama pakar perundangan Syariah, hakim Mahkamah Syariah, peguam Syariah, atau wakil daripada institusi berkaitan serta pihak yang terlibat dalam kes Diyat bagi memberikan gambaran menyeluruh dari perspektif Syariah, undang- undang, institusi kehakiman dan masyarakat mengenai Ketidakseragaman Peruntukan Pelaksanaan Diyat dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Negeri-Negeri, Analisis Terhadap Enakmen Negeri. Seterusnya, kaedah kedua pula adalah penganalisan data dari sudut tematik yang dapat membantu menyusun data secara sistematik dan dari sudut kritikal menganalisis kandungan perundangan yang lebih luas dan mendalam. Oleh itu, kedua-dua kaedah ini mestilah berpandukan kepada undang-undang iaitu mengenai falsafah undang-undang.

Hasil analisis ini diperoleh melalui penelitian dokumen undang-undang, artikel lepas, serta rujukan kepada Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Pindaan 2015) Negeri Kelantan dan perbincangan fiqh klasik berkaitan pelaksanaan diyat. Kajian ini meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan diyat, termasuk aspek undang-undang, pentadbiran kehakiman dan sosial. Dapatan utama merangkumi dua kategori iaitu (i) faktor substantif (perundangan dan konsep) dan (ii) faktor pelaksanaan (praktikal dan institusi). Rumusan dapatan tersebut diringkaskan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

Jadual 1: Kategori dan Faktor Utama Pelaksanaan Diyat

Kategori Faktor	Faktor Utama	Penjelasan	Rujukan/Sumber
Faktor Substantif	Faktor Substantif Ketidakseragaman Peruntukan Undang-undang Diyat	Hanya Kelantan memperuntukkan diyat dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993; negeri lain tiada peruntukan setara. Menimbulkan ketidaksamaan prinsip keadilan antara negeri.	Azman Mohd Noor. (2015). Hukum Qisas dan Diyat: Pendekatan dan Pelaksanaan di Malaysia. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Faktor Pelaksanaan	Kekangan Akta 355	Bidang kuasa hukuman Mahkamah Syariah dihadkan kepada maksimum tiga tahun penjara, denda RM5,000, dan enam sebatan; tidak mencukupi untuk melaksanakan diyat.	Zakaria, Z. I., & Nasohah, Z. (2019). Cabaran pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah di Negeri Melaka: The challenges of implementing the enforcement of Syariah criminal law in Malacca. <i>Malaysian Journal of Syariah and Law</i>
	Kadar Diyat Tidak Seragam	Nilai klasik 100 ekor unta tidak relevan dengan konteks Malaysia moden; tiada formula kadar semasa yang diseragamkan.	Abdul Karim Ali. (2018). <i>Prinsip keadilan Islam dalam hukuman hudud, qisas dan diyat</i> . Shah Alam: Pusat Penerbitan UiTM.
	Ketiadaan Garis Panduan dan Prosedur	Tiada mekanisme rasmi atau tatacara pembayaran diyat; menyukarkan pelaksanaan keputusan kehakiman secara konsisten.	Ahmad Hidayat Buang. (2009). <i>Pengantar undang-undang jenayah Islam di Malaysia</i> . Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
	Ketiadaan Sistem 'Aqilah Moden	Tiada badan atau institusi yang menanggung bersama beban diyat seperti dalam sistem klasik Islam; menyebabkan beban ditanggung individu.	Wahbah al-Zuhaylī. (1989). <i>Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh</i> . Damsyik: Dār al- Fikr.
	Kesedaran dan Kefahaman Masyarakat	Pengetahuan masyarakat Islam terhadap fungsi diyat masih rendah; kebanyakan hanya faham sebagai pampasan kewangan semata- mata.	Temu Bual dan Data Sekinder bersama, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kelantan Tuan Mohamad Nabil Bin Mohamd Shukri, 2025

Keterbatasan Institusi Kehakiman	Mahkamah Syariah belum mempunyai infrastruktur dan peruntukan khas untuk pelaksanaan diyat; kekangan ini melemahkan peranan keadilan restoratif Islam.	Jalaluddin Abdul Rahman. (2017). Pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia: Isu dan cabaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
-------------------------------------	--	--

Jadual 2: Aspek Amalan, Cabaran dan Implikasi Pelaksanaan Diyat.

Aspek Amalan/ Cabaran	Dapatan Utama	Implikasi (cabaran/Kesan)
Bidang Kuasa Mahkamah Syariah	Pelaksanaan Undang- Diyat hanya Menimbulkan persoalan undang Negeri Dilaksanakan secara keberkesanan pelaksanaan teori; tiada kes praktikal di mahkamah Malaysia setakat ini.	undang-undang Islam secara menyeluruh.
	Akta 355 mengehadkan hukuman; tidak dapat laksanakan diyat penuh.	Menyebabkan Mahkamah Syariah hanya berperanan simbolik dalam kes melibatkan jenayah qisas dan diyat.
Kadar dan Mekanisme Bayaran	Tiada standard nasional, kadar klasik tidak sesuai digunakan.	Risiko ketidaksamarataan dan persepsi bahawa diyat tidak relevan dalam sistem semasa.
Peranan Institusi Sokongan	Tiada agensi seperti Baitulmal atau tabung khas diyat ditubuhkan.	Menyukarkan pelaksanaan pampasan kepada keluarga mangsa.
Kesedaran Masyarakat	Kurangnya kefahaman tentang konsep keadilan dalam diyat.	Persepsi negatif terhadap undang-undang Islam; dianggap tidak praktikal.
Cadangan Penambahbaikan	Wujud keperluan mewujudkan model pelaksanaan diyat moden berasaskan nilai emas atau kadar semasa serta pembaharuan Akta 355.	Meningkatkan kredibiliti sistem perundangan Syariah dan memulihkan fungsi keadilan restoratif.

Hasil keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan diyat di Malaysia, khususnya di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Pindaan 2015) Negeri Kelantan, masih berada pada tahap teori dan belum dilaksanakan secara praktikal. Analisis terhadap faktor substantif dan faktor pelaksanaan mendapati bahawa cabaran utama terletak pada kekangan bidang kuasa Mahkamah Syariah di bawah Akta 355, ketidakseragaman peruntukan undang-undang antara negeri, serta ketiadaan garis panduan dan mekanisme pelaksanaan yang jelas.

Di samping itu, ketiadaan sistem 'aqilah moden, kesedaran masyarakat yang masih rendah, dan keterbatasan institusi kehakiman turut menyumbang kepada kelewatan realisasi hukuman diyat. Dapatan juga menunjukkan bahawa nilai klasik diyat seperti seratus ekor unta tidak lagi relevan dalam konteks ekonomi semasa. Justeru, pelaksanaan diyat ini menuntut kepada pendekatan baharu berasaskan nilai emas atau kadar semasa.

Kajian ini mengesahkan bahawa pelaksanaan diyat bukan sahaja isu teknikal undang-undang, tetapi juga berkait rapat dengan aspek pentadbiran, kesediaan institusi, dan kefahaman masyarakat terhadap konsep keadilan pemulihan dalam Islam. Secara keseluruhannya, diyat berpotensi menjadi mekanisme keadilan yang seimbang dan berasaskan rahmah sekiranya disokong oleh reformasi bidang kuasa, standardisasi undang-undang serta pelaksanaan dasar yang seragam di seluruh Malaysia (Ahmad M, 2019).

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan diyat di Malaysia masih berada pada tahap normatif dan belum berfungsi secara operatif. Faktor utama yang dikenal pasti ialah ketiadaan bidang kuasa yang mencukupi bagi Mahkamah Syariah serta ketidakseragaman peruntukan undang-undang antara negeri. Hal ini menyebabkan pelaksanaan diyat hanya bersifat teori, walaupun dari sudut fiqh dan prinsip keadilan Islam, diyat merupakan instrumen penting dalam sistem keadilan jenayah Islam. Analisis turut mendapati bahawa Akta 355 menjadi penghalang utama kepada pelaksanaan diyat kerana ia membataskan kuasa hukuman mahkamah. Di samping itu, kadar diyat klasik seperti 100 ekor unta dianggap tidak lagi praktikal dalam konteks sosioekonomi semasa. Ketiadaan garis panduan yang standard menjadikan pelaksanaan diyat sukar diseragamkan antara negeri, sekaligus mengurangkan kejelasan dari segi pentadbiran undang-undang (Ahmad Hidayat Buang, 2009). Faktor lain yang memberi kesan besar ialah ketiadaan sistem 'aqilah moden dan institusi pelaksana yang berfungsi seperti Baitulmal. Dalam fiqh Islam, 'aqilah memainkan peranan penting sebagai penanggung bersama tanggungjawab kewangan dalam kes pembunuhan tidak sengaja. Namun, ketiadaan mekanisme ini dalam sistem Malaysia menyebabkan pelaksanaan diyat kehilangan asas sosial yang kukuh (Abdul Karim Ali, 2018). Kajian turut mendapati bahawa kesedaran masyarakat Islam terhadap maksud dan hikmah diyat masih rendah. Ramai yang menyempitkan makna diyat sebagai semata-mata bayaran pampasan, sedangkan diyat berfungsi sebagai mekanisme keadilan pemulihan (restorative justice) yang menekankan keseimbangan antara hak mangsa, keluarga, dan pesalah. (Hasnizam Hashim et al, 2012)

Sehubungan itu, dapatan kajian mencadangkan agar diwujudkan satu model pelaksanaan diyat moden di Malaysia, termasuk penetapan kadar berdasarkan nilai emas atau kadar semasa, serta penubuhan tabung khas diyat di bawah Baitulmal. Langkah ini bukan sahaja mengembalikan fungsi diyat sebagai hukuman keadilan Islam, tetapi juga memperkukuh kedudukan Mahkamah Syariah dalam melaksanakan prinsip Maqasid Syariah secara holistik dan berkesan (Mohamad Nabil, 2025). walaupun enakmen negeri telah memperuntukkan fasal berkaitan qisas dan diyat, pelaksanaannya belum dapat dijalankan disebabkan kekangan bidang kuasa di bawah Akta 355 serta ketiadaan garis panduan pelaksanaan yang seragam. Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan diyat bukan hanya bergantung kepada peruntukan undang-undang, tetapi juga kepada kesiapsiagaan institusi kehakiman Syariah dari segi struktur, pentadbiran dan kefahaman pegawai yang terlibat. Justeru, penambahbaikan seperti pindaan terhadap Akta 355, penyeragaman kadar diyat berdasarkan nilai emas atau kadar semasa, serta penubuhan tabung khas diyat di bawah pengurusan Baitulmal amat diperlukan bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan secara menyeluruh (Mohamad Nabil, 2025). Cadangan ini penting bagi memperkukuh kedudukan Mahkamah Syariah dan menjadikan diyat bukan sekadar simbol hukum

Islam, tetapi sebagai mekanisme keadilan yang selaras dengan prinsip Maqasid Syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) dan kesejahteraan masyarakat.

Tambahan pula, pelaksanaan diyat di Malaysia perlu diiringi dengan reformasi menyeluruh dari segi kefahaman sosial dan pentadbiran undang-undang. Ini termasuk penyediaan garis panduan pelaksanaan yang seragam di peringkat nasional, latihan kepada hakim serta pegawai Mahkamah Syariah berhubung prosedur kes diyat, dan penubuhan sistem 'aqilah moden yang berperanan seperti insurans Islam atau dana Takaful yang menanggung sebahagian bayaran diyat (Mohamad Nabil, 2025). Pendekatan ini sejajar dengan keperluan semasa bagi menyeimbangkan tanggungjawab individu dengan tanggungjawab sosial sebagaimana yang ditekankan dalam hukum Islam klasik. Dalam masa yang sama, kefahaman masyarakat tentang konsep diyat sebagai gambaran kepada nilai rahmah dan kaedilan dalam Islam dan perlu diperkasa melalui pendidikan, media serta khutbah Jumaat supaya masyarakat melihat diyat bukan sekadar hukuman tetapi juga penyelesaian berasaskan kasih sayang dan pemulihan. Jika langkah-langkah ini dilaksanakan dengan komprehensif, diyat berpotensi menjadi mekanisme keadilan Islam yang relevan dengan sistem perundangan moden serta memperkukuh integriti Mahkamah Syariah di Malaysia sebagai institusi pelaksana keadilan Islam yang sebenar. (Mohamad Nabil, 2025).

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan diyat di Malaysia masih belum dapat direalisasikan secara menyeluruh walaupun ia telah diperuntukkan secara sah dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Pindaan 2015) di Negeri Kelantan. Analisis mendalam menunjukkan bahawa wujud ketidakseimbangan antara peruntukan undang-undang yang tersedia dengan keupayaan pelaksanaan di peringkat institusi kehakiman Syariah. Antara punca utama kelewatan pelaksanaan diyat ialah kekangan bidang kuasa Mahkamah Syariah di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang menghadkan bentuk hukuman, serta ketiadaan garis panduan dan mekanisme pelaksanaan yang jelas untuk dijadikan rujukan. Dalam konteks ini, ketiadaan keseragaman undang-undang antara negeri turut menjadi cabaran utama terhadap pelaksanaan prinsip keadilan Islam secara menyeluruh. Negeri Kelantan merupakan satu-satunya negeri yang memperuntukkan diyat secara eksplisit, manakala negeri lain masih bergantung pada peruntukan umum jenayah Syariah yang tidak mengiktiraf hukuman diyat secara khusus. Ketidakseimbangan ini bukan sahaja mewujudkan jurang dalam pelaksanaan keadilan, tetapi turut memberi kesan terhadap persepsi awam terhadap keberkesanan sistem perundangan Islam di Malaysia. Tambahan pula, ketiadaan sistem 'aqilah moden dan kekangan institusi pelaksana menjadikan tanggungjawab pembayaran diyat sukar dilaksanakan secara praktikal, sekali gus menafikan matlamat asal diyat sebagai instrumen keadilan pemulihan (*restorative justice*) yang seimbang antara pesalah, mangsa dan masyarakat.

Kajian ini juga menegaskan bahawa tahap kesedaran masyarakat Islam terhadap hikmah dan falsafah diyat masih rendah. Kebanyakan masyarakat melihat diyat sebagai bentuk bayaran pampasan semata-mata, sedangkan konsep sebenar diyat adalah pengiktirafan terhadap nilai nyawa manusia dan lambang rahmah dalam keadilan Islam. Oleh itu, pendidikan dan kesedaran awam mengenai diyat perlu diperkukuh melalui kempen, khutbah Jumaat dan program latihan kehakiman agar masyarakat memahami fungsinya sebagai mekanisme pemulihan dan bukannya hukuman semata-mata. Berdasarkan keseluruhan dapatan, kajian ini mencadangkan keperluan kepada reformasi menyeluruh termasuk pindaan terhadap Akta 355 bagi memperluas bidang kuasa Mahkamah Syariah, penggubalan garis panduan atau Arahan Amalan khusus oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), penubuhan Tabung Diyat Nasional di bawah penyeliaan Baitulmal, serta penyelarasan undang-undang diyat di seluruh negeri agar pelaksanaannya lebih seragam dan efektif. Pelaksanaan langkah-langkah ini diyakini dapat memperkukuh sistem keadilan jenayah Syariah di Malaysia, memperlihatkan keseimbangan antara hak Allah, hak manusia dan tanggungjawab sosial, serta menzahirkan keadilan Islam yang bersifat menyeluruh dan berteraskan prinsip maqasid al-Syariah.

Rujukan

- Abdul Karim Ali. (2018). Prinsip keadilan Islam dalam hukuman hudud, qisas dan diyat. Shah Alam: Pusat Penerbitan UiTM (UPENA).
- Absar, A. (2020). Restorative Justice in Islam with Special Reference to the Concept of Diyya. *Journal of Victimology and Victim Justice*, 3, 38 - 56. <https://doi.org/10.1177/2516606920927277>.
- Ahmad Hidayat Buang. (2009). Pengantar undang-undang jenayah Islam di Malaysia.
- Azman Mohd Noor. (2015). Hukum Qisas dan Diyat: Pendekatan dan Pelaksanaan di Malaysia. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993 (Pindaan 2015)
- Fauzi, R., Marpaung, W., & Prasetya, N. (2025). Restorative Justice Concept in Islam & Its Implementation in National Criminal Law from Islamic Legal Philosophy. *Jurnal Akta*. <https://doi.org/10.30659/akta.v12i1.43727>.
- Fikr.Jalaluddin Abdul Rahman. (2017). Pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia: Isu dan cabaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gunawan, H. (2019). Sistem Peradilan Islam. *Jurnal el-Qanuniy: Jurnal Ilmu-Ilmu Kesyarahan dan Pranata Sosial*. <https://doi.org/10.24952/el-qonuniy.v5i1.1766>.
- Haneef, S. S. S. (2015). An Analysis of Qisas and Diyat Law in Pakistan: Socio-Legal Perspectives. Islamabad: National Book Foundation.
- Hashim, R. (2015). Pengenalan Undang-Undang Jenayah Islam: Hudud, Qisas dan Diyat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hilmi, M., & Abstrak, M. (2015). Penggunaan Emas Dan Perak Dalam Menentukan Nilai Pampasan Diyat: Suatu Analisis Ke Atas Nilai Pertukaran Mata Wang Semasa (The Use Of Gold And Silver In Determining Value In Diyat Compensation: An Analysis On Value Of Current Currency Exchange).
- Ihsan, M. (2017). Diyat Ssebagai Pengganti Qishas Pada Jarimah Pembunuhan Sebab Pemaafan. *Legalite : Jurnal Perundang Undangan dan Hukum Pidana Islam*. <https://doi.org/10.32505/legalite.v1i2.267>.
- Ismail, P., Fiqh, J., Pengajian Islam Universiti Malaya, A., & Lumpur, K. (2012). Pelaksanaan Diyat Dalam Kerangka Perundangan Di Malaysia: Cabaran Fiqh Semasa Implementation Of Diyat In Legal Framework In Malaysia: Challenge To The Contemporary Islamic Jurisprudence. In *Journal Of Fiqh*.
- Ismail, S. (2024). Proposing Diyat As An Alternative To Death Penalty For The Crime Of Murder In Malaysia. *Jurnal Syariah*. <https://doi.org/10.22452/syariah.vol31no3.6>.
- Johari, F. (2019). Pelaksanaan diyat sebagai instrumen keadilan restoratif dalam undangundang jenayah Islam. *Jurnal Syariah dan Undang-Undang*, 7(2), 45–62.
- Khalil, S. A. (2020). Hukuman Bagi Pemandu Mabuk Di Malaysia: Analisis Menurut Perspektif Perundangan Islam. <https://Paultan.Org/2020>
- Khalil, S., Jaafar, S., & Ali, A. (2018). Penetapan Ganti Rugi Bagi Pelbagai Kecederaan Diri Menurut Perundangan Islam. *Jurnal Fiqh*. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol15no1.3>. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kusuma, M., & Diani, R. (2022). Qishash Diyat Dalam Hukum Pidana Islam Lebih Mencerminkan Keadilan Dari Sisi Korban. *Jurnal Dinamika*. <https://doi.org/10.54895/dinamika.v2i2.1829>.
- Wahbah al-Zuhayli. (1989). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al
- Zakaria, Z. I., & Nasohah, Z. (2019). Cabaran pelaksanaan penguatkuasaan undang- undang jenayah Syariah di Negeri Melaka: The challenges of implementing the enforcement of Syariah criminal law in Malacca. *Malaysian Journal of Syariah and Law*.
- Mohamad Nabil, 7 Ogos 2025. Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kelantan. Isu Pelaksanaan Diyat Di Kelantan (Temuduga personal).

CABARAN PERUNTUKAN PELAKSANAAN DIYAT DALAM UNDANG- UNDANG JENAYAH SYARIAH: ANALISIS TERHADAP ENAKMEN NEGERI KELANTAN

CHALLENGES IN THE IMPLEMENTATION OF DIYAT PROVISIONS IN SHARIAH CRIMINAL LAW: AN ANALYSIS OF THE KELANTAN STATE ENACTMENT

^{i*} Putri Nurhaziqah Saifulhizam & ⁱ Abdul Karim Ibrahim

ⁱ Fakulti Undang-undang, Governon Dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka, Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka

*(Corresponding author) e-mail: putrinurhaziqahsfz07@gmail.com

ABSTRACT

This study discusses the implementation of diyat as a form of punishment in Syariah criminal law in Malaysia, with a focus on the Kelantan Syariah Criminal Code Enactment (II) 1993 (Amendment 2015). Although diyat has a strong foundation in Islamic law and is clearly stipulated in the Kelantan enactment, its implementation is still hindered by the jurisdictional limitations of the Syariah Court under the Syariah Court (Criminal Jurisdiction) Act 1965 (Act 355) and provisions of the Federal Constitution. The objectives of this study are to identify the concept and foundation of diyat implementation according to Syariah law, examine its interpretation within the Syariah criminal justice system in Malaysia, evaluate the challenges of the Kelantan enactment in consistently and clearly providing for diyat, and propose improvements to the implementation of diyat and the judicial procedures involved. This study is conducted to identify the concept and foundation of diyat according to Syariah law, assess the substantive and technical challenges within the enactment provisions, and propose improvements for more effective implementation. Using a qualitative methodology in the form of doctrinal analysis of primary sources such as the state enactments, federal acts, the Qur'an, hadith, the views of Islamic jurists (fuqaha), as well as secondary sources including journals, articles, theses, and interviews with Syariah experts, this study finds a significant lack of uniformity between the states in Malaysia in providing for diyat. This situation raises serious implications for the principle of justice when the rights of victims and heirs depend on the state where the case occurs, rather than on a consistent principle of Islamic law. Furthermore, the absence of standard guidelines regarding the rate, form of payment, and implementation mechanisms for diyat has complicated the Syariah judicial process. This study suggests the creation of a national legal harmonization model that takes into account the socio-economic realities of Malaysian society, including the use of modern instruments such as gold, silver, or current financial rates to replace camels mentioned in classical texts. The findings of this study are expected to make a significant contribution to policymakers, Syariah judicial institutions, and lawmakers in reconsidering the position of diyat as an Islamic justice mechanism that is restorative and humane, while also strengthening the integrity of the Syariah legal system in Malaysia.

Keywords: *Diyat, Syariah Criminal Law, Kelantan Enactment, Act 355, Qisas, Islamic Compensation*

© The Author(s) (2025). Published by USIM Press on behalf of the Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact usimpress@usim.edu.my.